Where Great Technical Careers Begin — UTeM

AKAUNTABILITI DAN KEPIMPINAN AKADEMIK

OLEH:

PROF. DR ABDUL RANI OTHMAN

MS ISO 9001:2000 REG NO. AR 3543

MSC MALAYSIA Status Institution

AGENDA

1. AKAUNTABILITI DAN KEPIMPINAN AKADEMIK
2. PROFESIONALISMA AKADEMIK
3. PEMBUDAYAAN DAN PENGHAYATAN KUALITI DALAM AKAUNTABILITI AKADEMIK

HASIL PEMBELAJARAN

- **Pada akhir modul ini peserta akan dapat:**

  i. Menjelaskan kepentingan kepimpinan dan pembangunan akauntabiliti akademia ke arah mempertingkatkan daya saing institusi;

  ii. Menghuraikan kepentingan etika dalam peningkatan profesionalisme akademia;

  iii. Menjelaskan kepentingan pembudayaan kualiti dalam organisasi akademia.

TANGGUNGJAWAB AHLI AKADEMIK

- Pengajaran
- Penyelidikan
- Perundingan
- Penerbitan
- Perkhidmatan Masyarakat

BUDAYA AKADEMIA

- Menjalankan penyelidikan untuk pengembangan ilmu
- Membentangkan hasil penyelidikan di seminar tempatan/antarabangsa
- Menerbitkan hasil penyelidikan dalam jurnal berimpak tinggi
- Menyertai diskusi ilmiah/intelektual

Where Great Technical Careers Begin
UTeM

BUDAYA AKADEMIA

- Melaksanakan P&P dengan menggunakan kaedah terkini dan inovatif;
- Penulisan buku ilmiah karya asli;
- Membina rangkaian dengan tokoh ilmuan/penyelidik tempatan/antarabangsa;
- Membina rangkaian/hubungan dengan industri, universiti terkemuka dan badan profesional (dalam negara/luar negara).

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

BUDAYA AKADEMIA

- Menjalankan penyelidikan berkumpulan dan membina kumpulan/kluster penyelidikan
- Menjalankan kerja perundingan dan menjadi pakar rujuk
- GO (General order/ Peraturan am Kerajaan)

TOPIK 1:
KEPIMPINAN AKAUNTABILITI AKADEMIK

DEFINASI DAN KONTEKS KEPIMPINAN

Kepimpinan – Keupayaan mencorak, mengemudi dan memandu dalam proses pencapaian matlamat kecemerlangan institusi dalam 5P.

Berupaya berfikir **DILUAR KOTAK** dan **BERFOKUS MASA DEPAN**. Ahli akademik yang mempunyai ciri kepimpinan yang baik akan dapat mengatur strategi institusi dan berusaha mempertingkatkan kualiti, berusaha penambaikan kecekapan dankejituan ilmu dan proses penyebaran ilmu pengetahuan.

Sambungan..

Kepengikutan – Keupayaan memahami perancangan dan matlamat institusi – sesuai dengan fokus institusi dan menterjemahkan dengan bijaksana dan kebanggaan kedalam aktiviti-aktiviti akademik, mengikut panduan dan etika institusi dan program

DEFINASI DAN KONTEKS KEPIMPINAN AKADEMIK DI MALAYSIA

- **Kedinamikan Kepimpinan**

  ✓Kebijaksanaan dan kecemerlangan peneraju dan mesyuarat, dalam keanjalanan mengubahsuai untuk penambahbaikan bagi keperluan negara dan antarabangsa.

  ✓Mengolah kualiti prestasi berdasarkan kepada kriteria- kriteria terpilih untuk menjadipemangkin dan pengukur kualiti

Sambungan

...

- Pemimpin yang hebat menjadi inspirasi orang dibawahnya, dapat menggerakkan dan mendorong mereka untuk mencapai apa yang diluar kemampuan mereka, dan mencapai sasaran yang tidak mungkin dapat dicapai

- Pemimpin yang lemah boleh memusnahkan institusi yang dibawah tanggungjawabnya

- Pemimpin yang profesional dan berwibawa dimana reputasinya dengan sendiri mengharumkan namanya mampu memacu organisasi kearah kegemilangan dan keunggulan

PEMIMPIN TRANSFORMASI (TRANSFORMATIONAL LEADERSHIP)

- Bersedia membuat perubahan transformasi dan menjadi penggerak perubahan

- Mindset baru dan fokus

-Mesti bersedia mempelajari budaya organisasi dan bekerja dengan memberi penghormatan kepadanya.

DEFINASI DAN KONTEKS KEPIMPINAN AKADEMIK DI MALAYSIA

•KEPENGIKUTAN DAN KEPERANTISAN

✓Akan dengar perancangan strategi institusi dan berusaha mempertingkatkan kualiti, berusaha penambaikan kecekapan dan kejituan ilmu dan proses pengeluaran/perkongsian ilmu;

✓Merasa kepunyaan penyataan Visi dan Misi;

✓Akan bekerjasama dan saling menyokong bagi mencapai Visi dan Misi.

Sambungan..

- **Kecemerlangan Akademia Malaysia dimana kedudukan kita diperengkat antarabangsa?**

- **Bagaimanakah mencapai taraf seperti institusi di Jepun, Korea, Eropah, Amerika Syarikat?**

- **Siapakah/institusi manakah yang menjadi benchmark/ penanda aras**

Peranan Falsafah dan Wawasan

- **Terjemahkan falsafah dan wawasan kedalam nilai hidup dan organisasi**

- **Terapkan kedalam akademia di setiap perengkat institusi – rujuk kepada perancangan strategik institusi dan perancangan strategik negara**

VISI UTeM

Menjadi Universiti Teknikal Yang Kreatif dan Inovatif Terkemuka di Dunia

MISI UNIVERSITI (lama)

Melahirkan Ahli Profesional Yang Bersahsiah Murni, Kompeten Dan Berketrampilan Tinggi Melalui Pendidikan Teknikal Berkualiti dan Bertaraf Dunia berteraskan Pengajaran,Pembelajaran dan Penyelidikan Berorientasikan Aplikasi Serta Perkongsian Pintar Universiti-Industri Sejajar Dengan Aspirasi Negara

MISI UTeM(baru)

UTeM bertekad untuk menerajui sumbangan kepada kesejahteraan negara dan dunia dengan:

Memartabatkan ilmu melalui pendidikan, penyelidikan dan kesarjanaan teknikal yang inovatif

Membentuk pemimpin bersahsiah murni yang profesional

Menjana pembangunan lestari bersama industri dan komuniti

Misi dan Visi Institusi

- **Matlamat : bertaraf dunia, centre of excellence**
- **Objektif : kedudukan dalam 200 keatas dalam dunia**
- **Program – mengantarabangsakan rancangan, pengurusan, pengajian, staf akademik dan pelajar**
- **Mekanisme/strategi – twinning, kajian berfokuskan antarabangsa, budaya penyelidikan, penyelidikan kluster**
- **Tingkatkan kualiti akauntabiliti akademia – apakah proses pemantauan, proses penambahbaikan dan proses pembaharuan**

TOPIK 2:
PROFESIONALISME AKADEMIK

DEFINASI PROFESIONALISME

- Profesionalisme dalam konteks ahli akademik merujuk kepada keupayaan dan kecekapan melaksanakan sesuatu tanggungjawab berdasarkan kepada panduan ilmu dan latihan, serta kepakaran. Didalam melaksanakan sesuatu perkara seorang ahli akademik yang profesional adalah terikat dengan etika profesion yang juga merangkumi etika dalam keilmuan, etika sikap danetika kemahiran

✓**Definasi etika** – satu panduan kualiti moral dan profesional sebagai ukuran

✓**Definasi etika profesionalisme** – satu panduan atau tatacara yang menentukan kualiti moral, profesional dan nilai atau kualiti hatibudi dan kerja buat berdasarkan kepada keupayaan dan kecekapan pelaksanaan sesuatu tugas dan tanggungjawab berdasarkan kepada tatacara ilmu dan latihan sesuatu kepakaran

✓**Etika kerja** – tatacara prosedur pelaksanaan bidang tugas dan tanggungjawab meliputi asas pertanggungjawapan, kesanggupan dan ketetapan

✓**Etika** – melibatkan nilai, dan pelaksanaan prinsip- prinsip moral dalam tingkah laku

- **Prinsip moral terbahagi kepada dua elemen:**
  - a) hak dan tanggungjawab pensyarah,
  - b) persekitaran kerja dimana polisi yang ada boleh mempengaruhi pensyarah dan organisasi

HAK DAN TANGGUNGJAWAB

- ✓Hak individu mengikut perlembagaan negara, akta buruh, kontrak
- ✓Hak masyarakat/klien/pelanggan: hak pelajar, hak rakan sejawat
- ✓Hak organisasi/institusi: kontrak, akujanji

Prinsip Moral dan Tingkah Laku

- Nilai-nilai Murni – penjagaan tingkah laku
- Akauntabiliti
- Penjaga Amanah
- Kepentingan Umum – tidak berkepentingan diri.
- Integriti – melaksanakan amanah dan tanggungjawab sebaiknya
- Individu/tenaga pengajar – peka dan berkemahiran
- Organisasi – menzahirkan nilai-nilai integriti
- Ketelusan dan Kerahsiaan
- Ketelusan dan Penanda Aras

Nilai dan Etika Profesion Akademik

Bidang tugas ini melibatkan pensyarah berinteraksi dengan pelajar, pensyarah lain, pegawai pentadbiran serta pihak luar universiti. Secara kasarnya terdapat dua domain utama iaitu:

- Domain tugas; dan
- Domain hubungan interpersonal

Nilai dan Etika Profesion Akademik

Domain tugas melibatkan:

- Pengajaran,
- Pengendalian tutorial,
- Pengendalian makmal (jika berkenaan),
- Kerja lapangan,
- Penyediaan nota kuliah,
- Penyediaan kertas peperiksaan,
- Pemeriksaan kertas peperiksaan.

Nilai dan Etika Profesion Akademik

Domain hubungan interpersonal pula melibatkan aspek hubungan di antara:

- **Pensyarah dengan pelajar;**
- **Pensyarah dengan pensyarah;**
- **Pensyarah dengan pihak pengurusan universiti; dan**
- **Pensyarah dengan masyarakat luar universiti**

Etika dalam Pengajaran

Terdapat banyak etika dalam pengajaran, antaranya:

- **Mendidik pelajar untuk menjadi insan yang berpengetahuan dan bersahsiah tinggi berlandaskan kebenara, kejujuran dan keadilan.**
- **Memupuk serta menggalakkan pelajar untuk menghargai dan menyintai ilmu yang diberikan kepada mereka**
- **Memupuk pelajar supaya mempunyai sifat kesabaran, kecekalan dan ketabahan tinggi dalam mempelajari dan menguasai ilmu pengetahuan.**

Etika dalam Pengajaran *(samb..)*

- Menyediakan persiapan rapi sebelum pengajaran. Ini meliputi objektif kursus, tajuk yang akan diliputi dan kaedah penilaian.

- Berusaha untuk menarik perhatian dan membaMenggalakkan pelajar supaya berinteraksi semasa proses pengajaran

- Bangkitkan minat pelajar dalam sesi pengajaran.

- Penilaian kursus dilakukan dengan adil dan jujur selaras dengan prosedur penilaian yang telah ditetapkan oleh Senat.

- Merahsiakan maklumat peribadi pelajar yang diperolehi semasa sesi rundingan.

Etika Interpersonal PENSYARAH-PELAJAR

Dalam hubungan pensyarah-pelajar, pensyarah sewajarnya:

- Menunjukkan sikap kesungguhan semasa mengajar/kuliah.
- Bersikap jujur dengan memberikan jawapan yang tepat kepada soalan yang dikemukakan oleh pelajar.
- Bersikap adil dalam layanan kepada pelajar tanpa mengira latar belakang bangsa, agama, jantina dan paras rupa.
- Menepati masa temujanji dengan pelajar.
- Tidak menjatuhkan air muka pelajar dalam apa juga bentuk.
- Menjaga kerahsiaan makluamt pelajar di bawah seliaannya.
- Mengelakkan diri daripada terlibat dalam gangguan seksual secara lisan atau fizikal.

Isu Isu Semasa

- Pensyarah mengantikan kelas disebabkan menghadiri mesyuarat/ kursus
- Pelajar memohon agar digagalkan kursus yang telah diambil semasa semakan kertas soalan
- Bekerja sambilan dalam tempoh masa bekerja
- Membuat perundingan bersendirian
- Memberi layanan berbeza pada setiap pelajar
- Masuk lewat dan tidak berdisplin

Etika Interpersonal PENSYARAH-PENSYARAH

Dalam hubungan pensyarah-pensyarah sewajarnya:

- Hormat menghormati serta jujur dalam hubungan antara satu sama lain.
- Tidak dengki dan hasad dengan pensyarah lain yang lebih cenderung dan dinaikkan pangkat.
- Tidak memandang rendah kebolehan dan kepakaran pensyarah dalam bidang lain.
- Saling bantu membantu dalam menjanakan ilmu pengetahuan.
- Menjaga kerahsiaan di kalangan pensyarah.
- Mengelakkan diri dari melakukan gangguan seksual secara lisan atau fizikal dengan pensyarah lain.
- Tidak mendedahkan kecacatan, masalah dan kekurangan rakan pensyarah lain.
- Tidak menghebahkan maklumat tentang ketidakmampuan rakan sejawat secara terbuka.

TOPIK 3:
PEMBUDAYAAN DAN PENGHAYATAN KUALITI DALAM AKAUNTABILITI AKADEMIK

PEMBUDAYAAN DAN PENGHAYATAN KUALITI

- ✓Adalah menjadi kewajiban seorang ahli akademik untuk memastikan setiap hasil kerja mereka sesuatu yang berkualiti dalam semua aspek pengajaran, penyelidikan, penerbitan,persidangan dan khidmat masyarakat.

- ✓Kualiti ini dapat dinilai melalui penerimaan hasil penyelidikan, persidangan dan penerbitan samada diperengkat nasional mahupun antarabangsa.

- ✓Oleh itu ahli akademik perlu mempergiatkan aktiviti ilmiah dalam perkongsian ilmu dan rangkaian tokoh-tokoh keilmuan di institusi tempatan dan antarabangsa

PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

- **Staf akademik mestilah dari kalangan pendidik yang hebat , iaitu guru yang hebat melahirkan pelajar yang hebat.**
- **Kelayakkan staf akademik**
  - **PhD : sasaran 75% pada 2015**
  - **Kelayakkan profesional : sasaran 10% pada 2015**
- **Pendedahan antarabangsa**

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

HARAPAN

PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN...samb

- **Staf akademik mesti mahir dalam teknik pedagogi terkini supaya apa yang diajarkan menjadi inspirasi kepada pelajarnya**
  - Student Centred Learning (SCL)
  - All staff master the pedagogy (training courses)
  - E Learning , Webfolio
  - Experience Learning, Comparative Learning

KEPIMPINAN

- Penting bagi memastikan universiti dikendalikan dan diuruskan dengan baik
- Pemimpin menentukan masa depan sesabuah universiti
- Pemimpin yang hebat menjadi inspirasi orang dibawahnya, dapat menggerakkan dan mendorong mereka untuk mencapai apa yang diluar kemampuan mereka, dan mencapai sasaran yang tak mungkin dapat dicapai

....samb KEPIMPINAN

- Pemimpin yang lemah boleh memusnahkan institusi yang dibawah tanggungjawabnya
- Universiti memerlukan pemimpin yang professional yang mempunyai satu hasrat ia itu untuk memacu universiti kearah kegemilangan dan keunggulan
- Universiti memerlukan pemimpin yang professional yang betul-betul berwibawa dimana riputasinya dengan sendirinya mengharumkan namanya

....samb KEPIMPINAN

- Tugas pemimpin ialah untuk membangunkan dan mengembangkan sepenuhnya potensi modal insan supaya menjadi jaguh dunia
- Pemimpin universiti perlu betul-betul mengetahui keadaan persekitaran nya yang mencabar dan keperluan untuk menangani nya

PENGANTARABANGSAAN

- Mewujudkan rangkaian hubungan dengan institusi lain diseluruh dunia
- Rangkaian perlu diwujudkan dengan universiti terkemuka di dunia
- Program pertukaran staf dan pelajar, penyelidikan bersama, joint academic programme

CIRI-CIRI AHLI
AKADEMIK
UNGGUL


UTeM
Where Great Technical Careers Begin
Adalah menjadi kewajiban kepada semua ahli akademik untuk berusaha memenuhi kesemua ciri-ciri berikut dan seterusnya mendapatkan keberkatan pada setiap perkara yang dilakukan.
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

CIRI-CIRI AHLI AKADEMIK UNGGUL

MUDARIS

Mudaris yang bermaksud mengajar ataupun pengajaran. Ahli akademik hendaklah bertanggungjawab menyampaikan ilmu yang ada padanya kepada pelajarnya yang boleh membina pemikiran, rohani, jasmani, emosi dan juga sosial. Apa yang diketahuinya hendaklah disampaikan kerana kerja pengajaran adalah sebahagian daripada amal soleh. Manakala enggan menyampaikannya adalah merupakan satu kesalahan. Adalah menjadi kewajiban kepada semua ahli akademik untuk berusaha memenuhi kesemua ciri-ciri berikut dan seterusnya mendapatkan keberkatan pada setiap perkara yang dilakukan.

CIRI-CIRI AHLI AKADEMIK UNGGUL

MUALIM

Ahli akademik sebagai mualim boleh didefinasikan sebagai mengajar atau menyampaikan ilmu kepada orang lain dan mengamalkan apa yang disampaikan di samping berusaha menambah ilmu pengetahuan. Mualim mempunyai rasa belas kasihan kepada pelajar dan menganggap mereka seperti anak sendiri. Mualim mengajar kerana Allah Subhanahu Wataala dan bukannya kerana ganjaran dan tidak mengharapkan balasan daripada pelajar.

CIRI-CIRI AHLI AKADEMIK UNGGUL

MURABBI

Murabbi bermaksud memperbaiki, memimpin dan mentadbir. Ahli akademik sentiasa menyayangi pelajar dan menasihati dan membimbing dalam pembentukan syahsiyah mereka. Ahli akademik juga adalah kaunselor dan penyebar nilai budaya yang elok dan menjadi contoh kepada pelajar.

CIRI-CIRI AHLI AKADEMIK UNGGUL

MUADDIB

Muaddib bermaksud mendidik ke arah memperelokkan lagi akhlak pelajar. Ahli akademik yang muaddib merupakan individu yang bertanggungjawab dan melaksanakan pendidikan peradaban dalam pengertian yang luas dan mendalam terhadap peribadi dan kehidupan pelajar. Muaddib seorang yang memberi ilmu dan mendidik mereka dalam akhlak dan adab yang baik. Ahli akademik juga mendidik pelajar agar tidak merendahkan ilmu pelajaran lain selain dari yang diajar olehnya. Ahli akademik mendidik pelajar melalui akhlak yang baik daripada hanya penyampaian secara teori sahaja.

CIRI-CIRI AHLI AKADEMIK UNGGUL

MURSHID

Ahli akademik yang mursyid bermaksud sebagai penuntun jalan hidup yang benar dan betul dengan nilai dan sikap yang benar dan berperanan sebagai hamba Allah Subhanahu Wataala dan khalifahNya di muka bumi. Mursyid menunjukkan kepada jalan yang benar dari sudut ilmu kesufian dan memberikan petunjuk kepada jalan yang lurus. Ahli akademik mempunyai tingkah laku baik dan terpuji, bersih dari akhlak tercela, tidak taasub atau fanatik, zuhud pada amalan dan perbuatan dan mempunyai tokoh kepimpinan. Syarat untuk menjadi ahli akademik yang mursyid ialah beliau mestilah alim dari segenap perkara atau disiplin ilmu, menyimpan atau menutup keaiban pelajar-pelajarnya dan pengajaran terkesan di dalam hati pelajar.

UTeM
Where Great Technical Begin

CIRI-CIRI AHLI AKADEMIK UNGGUL

Kesemua ciri-ciri seorang ahli akademik unggul seperti diatas perlulah diamalkan secara berterusan dan dengan penuh iltizam. Ahli akademik perlu ada sifat mendidik pelajar, berperibadi mulia, menjaga kehebatan dan penghormatan diri, memiliki ilmu dan kaedah pengajaran dan bersifat kasih sayang. Bukan itu saja, ciri-ciri ini perlu diamalkan dan diserlahkan dari semua aspek termasuk kepimpinan, profesionalisme,tingkahlaku,pembudayaan kualiti dan khidmat masyarakat.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

SEKIAN

TERIMA KASIH

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA